

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	9/11/2019	MUKA SURAT : 50
JABATAN	:	JPS / BANJIR	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

JPS keluar amaran bah 2 hari awal

Keadaan hujan, paras air sungai seluruh negara dipantau secara berterusan

Oleh Haika Khazi, Ahmad Rabilul Zulkifli dan Mohd Rafi Mamat
mfaizul@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap hujan dan paras air sungai di seluruh negara bagi membolehkan mereka mengeluarkan amaran banjir dua hari lebih awal.

JPS dalam kenyataannya di sini, semalam, berkata langkah itu selari dengan maklumat diperolehi daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) bahawa beberapa episod hujan lebat dijangka berlaku sepanjang mu-

sim Monsun Timur Laut mulai 24 Oktober 2019 hingga Mac 2020.

Katanya, berdasarkan ramalan cuaca hujan lebat yang berterusan dalam beberapa hari, dijangka berlaku banjir di kawasan rendah terutama di negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

"Berikutan itu, JPS menerusi Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) melakukan pemantauan hujan dan paras air sungai berterusan selama 24 jam bermula Isnin lalu (4-November) hingga 31 Januari 2020 bagi memantau musim tengkujuh khususnya kawasan Pantai Timur Semenanjung.

"Menurusi program ini ramalan banjir seawal tujuh hari akan dapat disimulasikan yang mana amaran banjir boleh dikeluarkan dua hari lebih awal daripada tarikh kejadian sebenar berlaku," katanya.

Di **Kuala Berang**, Terengganu, penduduk, Mohd Rosmani Abd Samad, 37, membina stor khas sejak tiga tahun lalu untuk menyimpan barangan berharga. "Kami pernah mengalami ke-

ringian setiap kali banjir, jadi stor khas ini dibina bagi mengelak kejadian sama berulang," katanya dari Projek Penyusuman Semula Kampung (PPSK) FELCRA Gunung Menerong, Ajil, di sini.

Mohd Rosmani berkata, stor bernilai RM5,000 bersaiz 10x10 dan setinggi dua meter yang dibina FELCRA Berhad itu diyakini tidak akan ditenggelami air se-

Menurusi program ini

ramalan banjir seawal tujuh hari akan dapat disimulasikan yang mana amaran banjir boleh dikeluarkan dua hari lebih awal daripada tarikh kejadian sebenar berlaku.

Jabatan Pengairan dan Saliran

kitarnya berlaku fenomena banjir.

"Air biasanya naik ke paras dada sekiranya hujan berterusan dan kami juga sukar memindahkan barang berharga termasuk perkakas elektrik sekiranya hujan berlaku pada waktu malam.

"Kami tidak mahu ambil risiko kerana musim timur laut sudah bermula sejak awal November lalu," katanya yang pernah kerugian RM3,800 apabila semua pintu rumah dan barangan elektrik rosak ditenggelami air.

Isteri Mohd Rosmani, Nurul Fadillah Che Mat, 36, berkata, fenomena banjir pada setiap tahun sudah menjadi perkara biasa buat mereka sekeluarga.

"Sudah dua tahun kawasan ini tidak banjir, jadi kami bimbang sekiranya ia berlaku tahun ini.

"Kami yang menjangka akan berlaku peningkatan purata hujan pada tahun ini sekali gus menagikatkan banjir besar," katanya.

Sementara itu di **Kuantan**, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang menyediakan 118 pangkalan hadapan seluruh ne-

geri sebagai persiapan menghadapi bencana banjir akan datang.

Pengarahnya, Zulkhairi Zainol Abidin, berkata setiap daerah mempunyai antara dua hingga 26 pangkalan hadapan yang memetakan bekalan makanan yang mampu digunakan antara tiga hingga tujuh hari bergantung kepada lokasi dan jumlah mangsa banjir.

Katanya, pangkalan hadapan diuruskan sepenuhnya oleh JKMs yang menempatkan lapan jenis keperluan harian seperti beras, biskut, gula, sardin, kopi, teh uncang, garam dan minyak masak.

"Di Bentong terdapat dua pangkalan hadapan dan jumlah terbanyak di Temerloh sebanyak 26 diikuti Kuantan (16), Jerantut (13), Pekan dan Rompin (11), Cameron Highlands tidak mempunyai pangkalan hadapan walaupun mempunyai 26 pusat pemindahan banjir.

"Agihan barangan ke setiap pangkalan hadapan bermula akhir bulan lalu hingga bulan ini yang dilakukan secara berperingkat," katanya di sini, semalam.